

## ANALISA BORANG MAKLUMBALAS PESERTA

### *"JIHAD DALAM PENGURUSAN"*


OLEH YBHG TAN SRI DATO' MUHAMMAD ALI HASHIM  
PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF JOHOR CORPORATION

PROGRAM SEMINAR "QUALITY MANAGEMENT SYSTEMS (MS1900:2005)  
- REQUIREMENTS FROM ISLAMIC PERSPECTIVES"  
BERTEMPAT DI HOTEL AVILLION LEGACY, MELAKA  
PADA 2 JULAI 2009 (KHAMIS)

---

Jumlah edaran : 150 Borang  
Dikembalikan : 66 Borang (44%)

**SOALAN 1 :** ADAKAH CERAMAH YANG DISAMPAIKAN OLEH PENCERAMAH DAPAT DIFAHAMI DENGAN JELAS?



#### Skala

1	-	0	( 0%)
2	-	0	( 0%)
3	-	2	( 3.0%)
4	-	22	(33.3%)
5	-	42	(63.7%)

**SOALAN 2 :           APAKAH PANDANGAN ANDA DENGAN TOPIK CERAMAH YANG DISAMPAIKAN?**

<b>BIL</b>	<b>JAWAPAN</b>	<b>NAMA PESERTA</b>
1	Mencapai tahap cemerlang, tepat dan jitu. Contoh yang bersesuaian, topik yang baik, sesuai dengan orang Melayu konsep 'business' & orang Melayu Islam yang semakin lupa siapa mereka.	Zarina Abdullah
2	Menarik kerana beliau menampakkan kesan akibat dan punca-punca kelemahan pengurusan yang menjadi budaya masa kini.	Rahimah Mohamed Zin
3	Satu topik yang simple tetapi membawa makna yang besar	Norhaslinda Ali
4	Amat bersesuaian dengan objektif dan seminar memberi impak yang berkesan kepada diri saya sendiri.	-
5	Memahami lebih mendalam cara pengurusan 'Jihad Bisnes' dalam pengurusan.	Noor Ashikin Abdul Latiff
6	Topik yang sesuai dijadikan topik pembukaan atau pendahuluan bagi membentuk atau mewujudkan kesedaran kepada pihak pengurusan.	Wan Norazulawati Wan Juzol
7	Dapat menyuntik semangat orang Melayu Islam dalam menguasai pengurusan perniagaan yang berlandaskan Islam dan seterusnya membawa kepada menerajui perniagaan yang lebih maju dan berkualiti.	Che Zal Azilah Che Omar
8	Sangat bagus dan berguna dengan kami sebagai orang Melayu dan umat Islam.	Ruslinda
9	Dapat membuka minda saya sebagai seorang Islam dan anak Melayu berkenaan jihad. Jihad bukan sahaja dalam diri tapi dalam apa jua kita buat ada jihad.	Nadiyah Anim Jantan
10	Topik yang disampaikan amat berguna & saya berminat untuk ketahui dengan lebih lanjut.	Muhammad Faizal Aduan

**SOALAN 3 : ADAKAH ANDA BERSETUJU DENGAN JIHAD BISNES DAN WAQAF KORPORAT YANG DIKEMUKAKAN?MENGAPA?**

<b>BIL</b>	<b>JAWAPAN</b>	<b>NAMA PESERTA</b>
1	Bersetuju. Elak korupsi dan ketirisan serta membina kualiti pengurusan.	Zarina Abdullah
2	Bersetuju. Tapi kurang faham dengan konsepnya. Saya perlu mendalami konsep dan kehendaknya.	
3	Sangat setuju – tetapi fitrah manusia yang mementingkan kepentingan dan keuntungan diri menyukarkan pencapaiannya. Oleh yang demikian konsep 'jihad bisnes' dan waqaf korporat perlu dididik kepada masyarakat.	Mohd Nor Usop
4	Sangat setuju. Kerana ianya amat membantu umat Islam.	Dr. Yaakob Che Mad
5	Sangat setuju. Kerana Jihad Bisnes dan waqaf korporat amat sesuai dengan membantu masyarakat yang banyak menyumbang kepada perkembangan ekonomi.	Mohd Khaidzir Noor Din
6	Ya. Business mesti berteraskan unsur-unsur Islam yang murni barulah dapat mencapai kejayaan yang lumayan. Berjihad dalam bisnes adalah penting	Yong Yeow Meng
7	Setuju jihad bisnes diperluaskan di semua organisasi dan membantu komuniti Muslim yang berjaya.	Mamahani Maskan
8	Ya. Bisnes berlandaskan syarikat dan tidak menumpukan keuntungan semata-mata tetapi bisnes yang mendapat keberkatan.	Rahimah Mohamad Zin
9	Ya. Menunjukkan ketelusan dalam perniagaan dan menggambarkan syiar Islam yang sebenar.	Siti Aishah Senin
10	Ya. Konsep jihad bisnes dan waqaf korporat perlu dipupuk dan disemai dalam kepimpinan pengurusan bagi melahirkan lebih ramai Intrapreneur di Malaysia.	Wan Noraznilawati Wan Juzol
11	Sangat setuju. Khususnya kepada orang-orang Melayu Islam untuk merebut peluang perniagaan yang sekarang ini dikuasai oleh orang bukan melayu	Che Zal Azilah Che Omar
12	Saya amat bersetuju dan memuji dengan ikhlas terhadap strategi jihad bisnes ini dan wakaf korporat	Nadiyah Anim Jantan
13	Amat bersetuju dengan 2 konsep tersebut terutama wakaf korporat. Ianya dapat membantu organisasi-organisasi separuh/semi kerajaan untuk dapat bantuan untuk terus bersaing di zaman globalisasi.	Muhammad Faizal Aduan

<b>BIL</b>	<b>JAWAPAN</b>	<b>NAMA PESERTA</b>
14	Ya sangat setuju, kerana telah sedia maklum di dalam Al-Quran juga telah dinyatakan sedemikian sekiranya ingin berjaya dan Insya Allah jihad bisnis ini akan dibangkitkan / ke dalam PHT Sdn Bhd.	Normawati Ramli

**SOALAN 4 : PANDANGAN / CADANGAN ANDA KEPADA PENCERAMAH / JOHOR CORPORATION?**

<b>BIL</b>	<b>JAWAPAN</b>	<b>PESERTA</b>
1	Diperdengarkan kepada golongan Melayu muda di IPTA/IPTS, organisasi kerajaan, organisasi pentadbiran peringkat sekolah.	Zarina Abdullah
2	Perlu diberikan masa yang lebih panjang untuk YBhg Tan Sri menyampaikan ceramah dengan lebih berkesan.	Abdul Malek B. Nong
3	Cemerlang. Semoga usaha murni YBhg Tan Sri direstui Allah dan mendapat ganjaran. Amin.	Mohd Nor Usop
4	Saya berharap penceramah dapat memberikan ceramah di Negeri Selangor terutama di Majlis Agama Islam Selangor.	Jauharul Pardi
5	Business model ini perlu diperluaskan dan pendedahan ditingkatkan.	Abdul Wahab Hanif
6	Akhirnya saya dapat bertemu juga dengan seorang role model usahawan Islam yang betul-betul menegakkan prinsip perniagaan Islam. Cadangan saya agar dapat perbanyakkan lagi talk khas untuk usahawan-usahawan kecil Islam untuk membina semangat mereka terus berjuang dalam menarik taraf ekonomi Islam yang bersih.	Siti Hanizah Abdul Aziz
7	Penyampaian yang jelas, menarik dan mampu memberi kesedaran kepada peserta/perlu lebih melihat dalam konteks yang lebih luas bukan sekadar konteks dalam JCorp.	Abdul Rahman Abdul Aziz
8	Johor Corporation memang terkenal sejak zaman persekolahan saya lagi. Adakah Program Tunas Bestari masih diteruskan kerana saya amat menghargai dan mendapat manfaat daripada program tersebut.	Norhaslinda Ali
9	Mengetahui dengan jelas selok belok jihad dalam perniagaan dan dapat menyampaikan ceramah dengan yakin dan mengandungi isi yang padat serta contoh-contoh yang relevan dengan ceramah.	Che Zal Azilah Che Omar

<b>BIL</b>	<b>JAWAPAN</b>	<b>PESERTA</b>
10	Saya gembira dengan penceramah ini kerana banyak membuka minda Melayu saya agar lebih berjihad dalam apa jua keadaan. Beliau banyak menyentuh tindak-tanduk dalam pemikiran bisnes supaya berjalan di atas landasan yang betul. Walaupun ia boleh diadoption kepada imej jihad individu.	Nadiyah Anim Jantan
11	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bantu peniaga-peniaga Melayu untuk membesarkan perniagaan</li> <li>2. Wujudkan pasaraya besar di setiap negeri.</li> <li>3. Amat bangga kerana dapat mendengar pandangan yang menarik daripada seorang yang telah berjaya mengembangkan perniagaan dan berkongsi dengan semua peserta program.</li> </ol>	Zulfikar Bin Sharudin
12	Saya harap JCorp dapat berkembang terus supaya peratus penguasaan ekonomi Muslim bertambah besar.	Bahari Wahab
13	Teruskan menerajui Unit perniagaan ini dan menjadikan JCorp salah satu organisasi bagi kendalikan peniagaan Islam ini ke mata dunia.	Normalawati Raudhi
14	Ceramah yang dibentangkannya amat jelas teratur tepat dan padat. Ia dapat membuka minda dan hala tuju umat Islam ke arah keusahawanan yang amanah dan berkualiti dan bangsa dengan umat bukan Islam	Nor Arani Ibrahim
15	Harus diberi peluang memberi ceramah dengan lebih kerap lagi kepada semua jabatan/institusi supaya lebih banyak organisasi lebih terdedah dengan peranan JCorp secara lebih jelas dan mendalam.	Siti Aishah Dollah
16	Lahirkan autobiography Tan Sri untuk tatapan generasi akan datang.	Mohd Hashim Ahmad
17	Tahniah semoga beliau sihat walafiat untuk memberikan motivasi kepada lebih ramai ahli korporat muda Melayu Islam. Insya Allah	Ramlah Lani